



KENYATAAN MEDIA

Lebih RM 2 juta telah dibayar kepada 579 penerima faedah SKSPS

Pandang, KEDAH – Lebih **RM 2.1 juta** telah dibayar kepada **579** penerima faedah-faedah di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) dengan **lebih separuh** daripadanya adalah untuk **Faedah Hilang Upaya Sementara (HUS)**. Seramai 20 penerima adalah dari negeri **Kedah** yang melibatkan sejumlah **RM 103,606.61** di mana hampir 99 peratus adalah untuk bayaran Faedah HUS.

Faedah Hilang Upaya Sementara dibayar kepada orang berinsurans bekerja sendiri (OBBS) sepanjang tempoh cuti sakit yang disahkan oleh doktor dan mestilah sekurang-kurangnya empat (4) hari termasuk hari kemalangan.

Faedah-faedah lain yang disediakan di bawah skim ini adalah Faedah Perubatan, Faedah Hilang Upaya Kekal, Elaun Layanan Sentiasa, Faedah Orang Tanggungan, Faedah Pengurusan Mayat, Kemudahan Pemulihan Jasmani atau Vokasional dan juga Pinjaman Pendidikan.

Sehingga kini, hanya kira-kira **2 peratus** individu yang bekerja sendiri di seluruh negara yang mencarum dengan SKSPS. KSM memandang berat hal ini dan menggesa agar golongan berkenaan, terutamanya penduduk di Kedah ini mengambil cakna dan menyambut baik pakej bantuan yang disediakan oleh Kerajaan di dalam bentuk Bantuan Bayaran Caruman Perlindungan Keselamatan Sosial di bawah SKSPS PERKESO. Bantuan dalam bentuk sedemikian sebenarnya lebih bermakna dan banyak manfaatnya kepada diri pekerja sendiri dan keluarga mereka.

SKSPS diwujudkan untuk memberi perlindungan kepada individu daripada **20 sektor** yang menjalankan pekerjaan sendiri di bawah peruntukan **Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017**. Sektor tersebut termasuklah pertanian, perikanan, penjaja dan penternakan.

Sehubungan itu, satu sesi taklimat mengenai SKSPS diadakan kepada petani, penoreh dan penjaja di kawasan Parlimen Pandang, hari ini. Ia hasil jalinan kerjasama **PERKESO** dan **Parlimen Pandang**.

Kerajaan, melalui **Belanjawan 2021**, turut memperuntukkan **RM 24 juta** untuk pembiayaan sepenuhnya bayaran caruman di bawah SKSPS kepada seramai 100,000 orang bekerja sendiri mengikut kategori-kategori terpilih seperti guru takmir, noja, siak, imam, bilal dan merbut, anggota sektor awam berstatus *contract for service* serta golongan *delivery riders*.

Kerajaan berharap melalui pelbagai inisiatif dan pendekatan yang dilaksanakan , tahap kesedaran mereka yang bekerja sendiri, dapat dipertingkatkan sejajar dengan risiko pekerjaan yang mendepani mereka.

YB TUAN HAJI AWANG BIN HASHIM
TIMBALAN MENTERI SUMBER MANUSIA
25 Disember 2020